

## **08/11/2012 - Ucapan Malam KSN bersama Media**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

YBhg Ketua Polis Negara

YBhg Ketua-ketua Setiausaha Kementerian

YBhg Ketua-ketua Jabatan Persekutuan

Pihak pengurusan, editor dan pengarang kanan organisasi media eletronik dan media cetak

Wakil dari Persatuan-persatuan wartawan, jurufoto dan media

YBhg Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

1. Alhamdulillah, saya bersyukur kerana kita dapat berkumpul dengan editor-editor, pengarang dan pegawai pengurusan kanan organisasi media pada malam yang berbahagia ini. Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada jemputan, baik dari pihak pegawai kanan kerajaan mahupun daripada pihak media kerana sudi menerima jemputan untuk Majlis Makan Malam dan Ramah Mesra Ketua Setiausaha Negara bersama media pada malam ini.

### TANGGUNGJAWAB MEDIA

2. Mata pena adalah lebih tajam daripada mata pedang - satu ungkapan di dalam Bahasa Malaysia yang sebenarnya turut merujuk kepada betapa berpengaruhnya media di dalam kehidupan seharian kita. Sehubungan itu juga, pihak media perlu menceritakan perkara yang benar seperti yang diamalkan selalunya, dengan prinsip neutraliti dan tidak dipengaruhi sentimen mana-mana pihak. Perkara ini penting kerana di dalam ledakan media baru, portal dan sebagainya, banyak berita-berita yang ditokok tambah, tohmahan, tuduhan dan sebagainya. Media arus perdana harus mengekalkan kredibilitinya, supaya menjadi rujukan yang boleh diyakini rakyat pada masa ini dan juga masa hadapan.

### BAJET 2013

3. Usaha pihak media tidak seharusnya terhenti di ruang lingkup itu sahaja. Pelbagai usaha transformasi yang dilaksanakan kerajaan demi manfaat rakyat haruslah terus digembargemburkan sepanjang tahun. Kita lihat dalam pembentangan Bajet 2013 oleh YAB Perdana

Menteri baru-baru ini, pelbagai inisiatif diperkenalkan. Terma-terma yang digunakan mungkin sesetengahnya tidak difahami oleh rakyat terbanyak (layman) dan di sinilah media mempunyai peranan penting menjelaskan dengan bahasa yang mudah, apa sebenarnya yang diumumkan oleh Bajet berkenaan. Bajet 2013, yang boleh disifatkan sebagai 'Bajet Kasih Sayang' perlulah berulang kali dimaklumkan, sekiranya tidak, masyarakat tidak akan sedar, malah boleh melupakannya. Apabila berita mengenai bajet dikeluarkan mengikut kategori penerima manfaat termasuk golongan, wanita, kanak-kanak, golongan belia, golongan dewasa, nelayan, sektor swasta dan kerajaan serta sebagainya ia akan dapat mencetus rasa terima kasih kepada kerajaan.

#### MEDIA DENGAN MAKLUMAT DAN PENGETAHUAN TERKINI

4. Sayugia saya juga ingin menasihatkan supaya petugas-petugas menimba pengetahuan berterusan sepanjang hayat. Kita semua tahu, masyarakat sekarang adalah masyarakat berpendidikan dan tidak hanya menerima sesuatu perkara bulat-bulat tetapi menimbulkan persoalan apabila sesuatu berita diterima. Oleh itu adalah penting untuk petugas media sendiri memperluaskan diri dengan ilmu pengetahuan sejajar dengan tugas harian mereka sebagai penyebar berita dan pada masa sama untuk kebaikan diri sendiri. Untuk itu juga adalah penting media berusaha untuk memahami dengan jelas mengenai dasar-dasar kerajaan beserta maklumat terkini, dan tidak hanya sekadar di luaran sahaja (on the surface).

#### PENYERTAAN BUKAN BUMIPUTRA DALAM PERKHIDMATAN AWAM

5. Menyentuh tugas saya yang bertanggungjawab kepada perkhidmatan awam, kerajaan memang serius untuk menarik kaum bukan Melayu menyertai perkhidmatan ini. Hasil usaha kerajaan, termasuk Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), jumlah permohonan menunjukkan peningkatan sebanyak 5.6 peratus dalam tempoh Jun hingga Ogos berbanding hanya 2 peratus setakat Mei tahun ini, daripada 1.2 juta permohonan diterima melalui SPA. Ini sebenarnya selaras dengan hasrat Perdana Menteri Dato' Sri Najib Tun Razak yang mahu melihat komposisi kaum yang lebih saksama dalam perkhidmatan awam, sejajar dengan dasar-dasar transformasi dan matlamat 1Malaysia. Sekarang ini, lebih 80 peratus penjawat awam adalah Melayu dan Bumiputera lain sementara kaum Cina sebanyak 5 peratus dan India sebanyak 4 peratus. Bahagian yang diwakili bukan-Melayu begitu kecil jika dibandingkan dengan 1.4 juta kakitangan awam di negara ini. Semuanya bermula dari rumah. Perkara ini saya sudah terapkan di pejabat saya sendiri, di mana dua bukan Melayu dilantik sebahagian dari Pegawai Pejabat Ketua Setiausaha Negara.

#### HUBUNGAN SEKTOR AWAM DAN MEDIA PERLU DIPERKUKUHKAN

6. Saya juga berbesar hati sekiranya media yang selama ini sudah menjadi rakan erat kerajaan dalam melaksanakan pelbagai program meneruskan usaha ini. Jadi Majlis Makan Malam dan Ramah Mesra ini menjadi satu platform yang penting ke arah merapatkan hubungan ini. Kita

akui kadang-kadang kita kurang faham dengan peranan media yang melaporkan berita berdasarkan perspektif (angle) yang tertentu, tetapi inilah masanya kita mendapatkan maklumbalas untuk belajar, mendekati dan memahami peranan dan tugas masing-masing. Untuk itu juga, di pejabat saya sendiri beberapa petugas yang dulunya bekerja di sektor swasta kini dilantik menjadi pegawai supaya pihak kami lebih memahami situasi ini. Ibarat bertepuk sebelah tangan tidak akan berbunyi, begitu juga media dan juga kerajaan. Kerajaan boleh seterusnya belajar dan berkongsi pengetahuan, kepakaran dengan sektor swasta dan begitu juga sebaliknya. Dari sudut berbeza, saya juga difahamkan pihak media secara berkala mengadakan acara sukan tahunan samada bola sepak, bowling atau golf, mahupun acara mencari harta karun (treasure hunt) . Mungkin selepas ini Jabatan Perdana Menteri boleh bekerjasama dengan pihak media untuk mengadakan sukan sedemikian rupa, dengan masing-masing bergilir-gilir untuk menjadi tuan rumah, seterusnya mengeratkan lagi perhubungan dan persahabatan antara media dan juga kerajaan.

Sekian Terima Kasih.

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.